

Berita Harian, 29/9/2020 m/s 18



Jalan Raja Laut 1 yang digantikan dengan Jalan Palestin akan dikekalkan dengan nama asal. (Foto BERNAMA)

Jalan Raja Laut kekal

DBKL diminta cari lokasi lain untuk dinamakan Jalan Palestin: Annuar

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mencari lokasi lain untuk dinamakan Jalan Palestin kerana nama Jalan Raja Laut perlu dikekalkan.

Susulan itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan diminta mencari jalan lain lebih sesuai bagi tujuan berkenaan.

Perkara itu dinyatakan Annuar menerusi ciapan terkini di Twitter, semalam.

Sebelum ini, beliau menuntut penjelasan DBKL yang menge-

luarkan kenyataan memaklumkan Jalan Raja Laut 1 dikenali sebagai Jalan Palestin sebagai simbolik sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat negara Asia Barat itu.

Annuar mempersoalkan kewajaran tindakan terbabit, menerusi ciapan di akaun Twitter miliknya.

Beliau berkata, nama Raja Laut membawa sejarah tersendiri kepada bangsa Melayu.

"Saya tiada halangan hendak menamakan jalan di Kuala Lumpur dengan Jalan Palestin, tanda sokongan Kuala Lumpur kepada perjuangan pembebasan al-Quds.

"Bagaimanapun, saya mahukan penjelasan kenapa memilih untuk

tukar nama Jalan Raja Laut, nama besar sejarah Melayu dan Kuala Lumpur," katanya dalam ciapan itu.

Nor Hisham dalam laporan BERNAMA kelmarin, berkata nama Jalan Raja Laut 1 kini dikenali sebagai Jalan Palestin. *

Beliau berkata, cadangan menukar nama jalan itu tercetus ketika Majlis Himpunan Hari Quds Sedunia yang diadakan di Data-ran DBKL pada 26 hingga 31 Mei tahun lalu.

"Kementerian Wilayah Persekutuan memohon DBKL menamakan sebatang jalan di Kuala Lumpur sebagai Jalan Palestin.

"Menamakan Jalan Palestin itu sebagai simbol sokongan Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin dalam menentang penindasan dan seterusnya menubuhkan sebuah negara Palestin,"katanya.